

27 JUN 1997

Ling-Taiwan

MALAYSIA DAN TAIWAN SETUJU PERJANJIAN LANGIT TERBUKA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Taiwan telah bersetuju secara dasarnya meliberalkan perjalanan udara di antara kedua-dua negara, seminggu selepas Kuala Lumpur dan Washington menandatangani perjanjian langit terbuka.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata cadangan perjanjian langit terbuka dengan Taiwan itu akan meningkatkan jumlah penumpang dan kargo dari kedua-dua negara.

Malaysia tidak mempunyai hubungan politik dengan Taiwan tetapi ia hanya terikat dengan kerjasama perdagangan dan pelaburan.

Dr Ling berkata pakatan udara itu dibincangkan dengan rakan sejawatannya dari Taiwan semasa mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 22 hingga 24 Jun, di Victoria, Kanada.

Semasa bercakap kepada pemberita di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekembalinya dari Kanada, Dr Ling berkata urusan yang sama juga sedang dilakukan dengan negara-negara lain.

Menteri berkenaan bagaimanapun enggan menamakan negara-negara berkenaan dengan berkata "ia terlalu awal".

Semasa ditanya sama ada negara-negara berkenaan telah memberikan maklum balas yang positif, Dr Ling berkata Malaysia akan berunding dengan negara-negara yang berminat dengan dasar langit terbuka.

"Malah jika China berminat untuk mengadakan perjanjian langit terbuka dengan kita, kita menyambut baik," katanya sambil menafikan bahawa perjanjian dengan Taiwan itu akan menjejaskan hubungan Kuala Lumpur dengan Beijing.

Pada 21 Jun, Dr Ling mewakili Malaysia menandatangani perjanjian Langit Terbuka dengan Amerika Syarikat di San Francisco selepas para pegawai kedua-dua pihak mengadakan perundingan selama beberapa bulan.

Dr Ling hari ini berkata Malaysia akan mendapat manfaat daripada cadangan perjanjian yang serupa dengan Taiwan kerana ekonomi Taiwan yang maju dan lokasinya.

Dr Ling juga mengumumkan bahawa kerajaan Lebanon telah bersetuju membenarkan Penerbangan Malaysia melalui Kuala Lumpur-Dubai-Beirut akan dilanjutkan meliputi Kaherah di Mesir.

Menteri berkenaan yang mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara Asia Barat baru-baru ini berkata MAS juga telah diberi hak pendaratan kelima yang terhad oleh kerajaan Lebanon.

Hak pendaratan kelima itu bermakna syarikat penerbangan negara akan boleh membawa penumpang dari Beirut ke Kaherah.

Buat masa ini MAS terbang dua kali seminggu ke Beirut melalui Dubai.

Malaysia sebaliknya akan membenarkan syarikat penerbangan Lebanon untuk membuat penerbangan yang sama ke Kuala Lumpur, kata Dr Ling.

Mengenai siasatan nahas helikopter Agusta yang mengorbankan usahawan Tan Sri Yahaya Ahmad dan isteri serta juruterbang pesawat itu Mac lepas, Dr Ling berkata siasatan masih berjalan.

"Laporan itu akan mengambil masa kerana enjin helikopter berkenaan dihantar kepada pengeluarinya (Pratt & Whitney)," katanya.

Ditanya sama ada laporan mengenai nahas itu akan diumumkan, Dr Ling berkata kabinet akan membuat keputusan mengenainya. -- BERNAMA

ES RON